



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**11 Jun 2023  
22 Zulkaedah 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none"><li>• 1000 benih karang ditanam semula di Pulau Bidong</li></ul>
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tak pengaruh harga di Lembah Klang</li><li>• Gesakekang kemasukan nelayan asing</li></ul>
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none"><li>• UMT tanam 1000 benih batu karang di perairan Pulau Bidong</li></ul>
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
The Star	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Harakah	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Bernama	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Borneo Post (KK)	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	/ NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL	↑	11/6/2022

## LAMBAKAN SOTONG DI TERENGGANU

### Tak pengaruh harga di Lembah Klang

**Kuala Lumpur:** Lambakan sotong di perairan Terengganu, tidak banyak mempengaruhi bekalan dan harga hasil laut itu di kawasan lain terutama Lembah Klang.

Peniaga hasil laut Pasar Chow Kit, Fazian Amran, 26, berkata, bekalan diperolehi mereka daripada pasar borong kebanyakannya dari Kuala Selangor, Selangor dan negeri di utara selain pantai timur.

Katanya, melalui pengalamannya, musim sotong di Terengganu tidak ba-

nyak mempengaruhi bahananya bekalan dan kurangnya harga hasil laut itu.

"Apa yang saya diberitahu pembekal bekalan sini banyak dari Kuala Selangor dan negeri bahagian utara serta bakinya Terengganu kerana kebanyakannya hasil sotong dari negeri itu dieksport ke Thailand."

"Sekarang bekalan memang berkurangan, kalau ada pun masuk dua minggu sekali saja itu pun dapat dengan harga mahal.

"Biasa untuk sotong saiz S kita dapat RM12 satu kilogram (kg) dan jual kepada pengguna RM10 hingga RM12 tetapi apabila pembekal naiktarif harga sekarang kepada RM14, kita terpaksa jual RM16," katanya.

Tinjauan Harian Metro di Pasar Chow Kit mendapati, kebanyakan peniaga menjual sotong pada harga RM14 ke RM16 satu kg untuk saiz S diikuti RM20 (M) serta XXL RM34 hingga RM36.

Sementara itu, seorang

lagi peniaga, Jin, 60, yang berniaga di pasar itu sejak 40 tahun lalu berkata, sehari dia memperoleh bekalan antara 80 dan 100kg

"Hendak kata murah tidaklah juga kerana sekarang saya jual RM36 satu kilogram untuk sotong XXL berbanding sebelum ini hanya RM32.

"Kenaikan harga bergantung...kalau bekalan susah dapat dan berkurangan, kita terpaksa bayar mahal kepada pembekal dan naikkan harga jualan terhadap pembeli," katanya.



PENIAGA sotong di Pasar Chow Kit yang ditemui semalam.

### Gesa kekang kemasukan nelayan asing

**Dungun:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) diminta mempertingkatkan kawalan mengelak kemasukan nelayan asing berikut musim sotong di perairan Terengganu.

Nelayan, Mohd Shahruh Hisham Yusof, 36, berkata, musim sotong sememangnya menjadi kegemaran nelayan asing warga Vietnam mencewoh perairan Terengganu untuk 'merompak'.

Katanya, sotong tahun ini lebih banyak di perairan Terengganu dan sememangnya dia dinantikan nelayan asing terbatas.

"Sotong perairan kita merupakan sotong kategori gred A dan mereka ini (nelayan asing) memang

ghairah untuk ceroboh masuk merompak sotong kita.

"Kita minta pihak APMM bersedia untuk lebihkan kawalan dalam usaha menyerang kemasukan bot nelayan asing ini," katanya.

Mohd Shahruh berkata, kebanjiran sotong di perairan kali ini mencatat sejarah sekali gus memberi peluang rezeki berganda kepada nelayan.

"Daripada pertengahan Mei hingga kelmarin (Khamis) saja berjaya mendaratskan sotong hampir sembilan tan."

"Bukan saya sahaja, rakanねga turut memperolehi se-

kitar lima hingga puluhan tan."

"Kebanjiran sotong itu juga turut mencurah rezeki kepada nelayan pantai serta orang ramai yang turun mencandat sotong," kata dia.

Seorang lagi nelayan, Mohamed Noor Yusof, 62, berkata, sepanjang keluar memukat sotong dia belum tersempak dengan bot nelayan asing.

"Kalau tahun sebelum ini ada juga tersempak. Mungkin mereka masih belum tahu limpahan sotong di perairan kita."

"Nelayan asing biadap, mereka gunakan kaerah pukat tunda

ganding. Sekali tunda bertan-tan sotong kita mereka sapu."

"Mereka tahu, mutu sotong kita bernilai tinggi dan mereka akan jual dengan mengantik keuntungan berlipat kali ganda di negara mereka," katanya.

Menarutnya, justeru itu nelayan tempatan berharap kerjasama daripada APMM ketika ini tular asing sangat takut apabila menyedari kehadiran pihak berkuasa kita.

Sementara itu, Pengarah Zon APMM Kemaman Komander Maritim Rashidi-Ihadi Abd Rashid berkata, pihaknya sentiasa giat menjalankan rondaan bagi mengekang pencerobohan nelayan asing di perairan Terengganu.

**APMM giat menjalankan rondaan halang pencerobohan nelayan asing**

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	/	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL		
					15	11/6/2023

## UMT tanam 1,000 benih batu karang di perairan Pulau Bidong



SUKARELAWAN UMT dan Aquaria KLCC yang terlibat dalam Ekspedisi Penanaman Benih Batu Karang di perairan Pulau Bidong semalam.

**KUALA NERUS** – Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan kerjasama Aquaria KLCC mengambil inisiatif menanam semula 1,000 benih batu karang di perairan Pulau Bidong di sini semalam.

Pensyarah Fakulti Sains dan Sekitaran Marin, UMT, Prof Madya Dr. Tan Chun Hong berkata, penanaman semula benih batu karang itu bagi menggantikan sebahagian hidupan marin tersebut yang telah musnah akibat impak ribut Pabuk pada Januari 2019.

Pakar penyelidik batu karang UMT tersebut menjelaskan, projek pelepasan benih batu karang di perairan berkenaan sejak tahun lalu mula menunjukkan im-

pak positif.

"Penanaman semula dan pelepasan benih karang secara besar-besaran turut dilakukan kumpulan penyelidik di beberapa negara lain seperti di Great Barrier Reef, Australia dan Pulau Curacao, Laut Caribbean."

"Ja inisiatif memulihkan ekosistem yang telah terjejas akibat pelbagai faktor seperti bencana alam dan pemanasan suhu global," katanya di sini semalam.

Terdahulu, beliau mengetuai ekspedisi kira-kira 40 penyelam skuba terdiri daripada pelajar UMT dan kakitangan Aquaria KLCC menanam benih barang karang di perairan Pulau Bidong. Chun Hong berkata, pelepasan

benih batu karang perlu dilakukan berterusan kerana hidupan yang penting dalam ekosistem marin berkenaan semakin kerap menerima ancaman semulajadi sejak akhir-akhir ini.

Jelas beliau, antara ancaman semula jadi terabit adalah pemansanan suhu global dan pemanaran.

"Pasukan penyelidik UMT akan terus memantau pertumbuhan semua benih batu karang yang telah ditanam sebelum ini."

"Harap usaha ini mendapat usaha berterusan daripada rakyat, badan bukan kerajaan dan badan korporat bagi memastikan kelestarian terumbu karang," katanya.

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		
						34	11/6/2023

## 1,000 benih karang ditanam semula di Pulau Bidong

**KUALA NERUS:** Sebanyak 1,000 benih karang ditanam semula bagi memulihkan populasi batu karang di perairan negara dekat Pulau Bidong, di sini.

Penanaman semula batu karang itu dilakukan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan kerjasama Aquaria KLCC dalam program Ekspedisi Pemuliharaan Karang sempena sambutan Hari Laut Sedunia, kelmarin.

Pakar penyelidik batu karang UMT, Prof. Madya Dr. Tan Chun Hong berkata, kerjasama antara pusat pengajian tinggi itu dengan Aquaria KLCC yang bermula sejak 2018 menjadi pemangkin untuk pemulihan terumbu karang berskala besar di Malaysia.

Katanya, kira-kira 40 sukarelawan tempatan, pelajar UMT dan kakitangan Aquaria KLCC terlibat dalam ekspedisi tersebut.

“Dalam ekspedisi kali ini, kita tanam semula benih karang di lokasi Pulau Bidong yang paling teruk terjejas akibat impak ribut Pabuk yang melanda pada Januari 2019.

“Pasukan penyelidik UMT akan memantau pertumbuhan

semua benih karang yang ditanam ini secara berterusan,” katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini, semalam.

Pada program tersebut, Aquaria KLCC turut memberi sumbangan sebanyak RM200,000 kepada UMT yang menjadi satu-satunya universiti di negara ini terlibat dalam penyelidikan marin dan laut.

Chun Hong berkata, UMT juga meneruskan projek pelepasan benih batu karang secara berperingkat susulan kejayaan projek besar-besaran yang dilakukan pada tahun lalu.

Katanya, penanaman semula dan pelepasan benih karang secara besar-besaran turut dilakukan kumpulan penyelidik di beberapa negara lain seperti di Great Barrier Reef di Australia dan Pulau Curacao di Laut Caribbean sebagai inisiatif memulihkan ekosistem yang terjejas itu.

“Memang ada impak positif dari semua usaha yang dilakukan ini, namun ia perlu dilakukan secara berterusan kerana ancaman semula jadi seperti pemanasan suhu global dan pencemaran tetap berlaku,” katanya.